

CNS1547

U GB 26-01 00193 BH018

BAH

Mahathir - Kenderaan

PENGELUARAN PERALATAN KENDERAAN KINI DIGALAKAN, KATA MAHATHIR

SHAH ALAM, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan telahewartakan pengeluaran komponen dan peralatan kenderaan sebagai kegiatan yang digalakkan dan layak dipertimbangkan untuk diberi galakan cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, peralatan dan komponen berkenaan mungkin boleh dikeluarkan untuk dibekalkan kepada Proton atau kereta jenis lain atau mungkin dieksport.

Angka-angka pengimportan komponen serta peralatan kenderaan menunjukkan terdapatnya ruang yang luas bagi meningkatkan pengeluarannya dalam industri kenderaan bermotor, katanya ketika berucap merasmikan kilang PHN Industry Sdn Bhd, yang mengeluarkan sebahagian daripada komponen dan peralatan bagi kereta Proton, di kawasan perindustrian HICOM, di sini.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh Januari hingga November tahun lepas, import komponen dan peralatan kenderaan berjumlah RM2,100 juta.

Setakat ini terdapat lebih 200 syarikat pengeluar komponen automotif dan lebih 70 daripada mereka khusus mengeluarkan barangan untuk pasaran asal pengeluar kenderaan.

"Dengan adanya dasar skim kandungan tempatan untuk kenderaan penumpang dan perdagangan yang dipasang di dalam negeri, kita berharap dapat membantu mengembangkan lagi pasaran terhadap komponen-komponen tersebut," katanya. -- Lagi.

▼26/01/14-46MST

CNS1569

U GB 26-01 00178 BH019

BAH

Mahathir - Kenderaan 2 Shah Alam

Dr Mahathir berkata, memandangkan pasaran dalam negeri terhad, kerajaan berharap industri komponen serta peralatan kereta akan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Para pengeluar komponen tempatan boleh mengambil peluang memasuki pasaran Asean menerusi usahasama Skim Usahasama Perindustrian Asean serta Skim Pelengkap Jenama ke Jenama dalam industri automotif.

"Akhir-akhir ini, kerajaan bersama-sama kerajaan-kerajaan Asean yang lain sedang melaksanakan Skim Keistimewaan Sama Rata (CEPT) dan menerusi skim ini kita berharap akan wujud Kawasan Perdagangan Bebas Asean ((AFTA) yang dapat memberi galakan berterusan kepada industri komponen automotif," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengambil langkah yang menimbulkan kontroversi pada tahun 1982 untuk membangunkan industri kenderaan bermotor secara integrasi dengan menubuhkan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan melancarkan projek kereta kebangsaan dengan harapan ia menjadi faktor mungkin bagi industri komponen dan kejuruteraan di Malaysia.

Strategi itu telah secara beransur-ansur berjaya meningkatkan secara sistematik dan tersusun pengeluaran komponen yang semakin sofistikated, berterusan, bermutu tinggi, kemahiran daripada segi teknologi dan kejuruteraan tempatan khusus untuk kenderaan bermotor. -- Lagi.

▼26/01/15-06MST

CNS1573

U GB 26-01 00171 BH020

BAH

Mahathir - Kenderaan 3 Shah Alam

Kerajaan memang menggalakkan pelaburan di dalam industri ini daripada sumber tempatan atau luar negeri kerana berpendapat usahasama dalam bidang ini akan mempertingkatkan lagi kadar pertumbuhan dan penggunaan teknologi selain menyediakan peluang pasaran antarabangsa menerusi rangkaian pasaran yang sedia ada oleh para pengeluar luar negeri terbabit.

Bidang-bidang projek usahasama dengan pihak asing yang digalakkan kerajaan ialah pengeluaran komponen kritikal seperti enjin dan peralatan transmisi, barangan separuh siap seperti barang tuangan untuk enjin dan transmisi, peralatan penempatan serta komponen kecil yang digunakan dalam pemasangan komponen-komponen besar atau yang diutamakan.

Bidang-bidang lain ialah pengeluaran bagi tujuan mengeksport komponen-komponen tersebut untuk pasaran antarabangsa dan penubuhan industri khidmat sokongan kejuruteraan seperti membuat acuan dan perkakas.

Dr Mahathir turut menekankan mengenai pentingnya tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pengilangan di negara ini bagi memajukan lagi kemajuan sektor perindustrian. "

Pada masa ini kegiatan R&D di negara ini yang dianjurkan sektor awam lebih bertumpu kepada kegiatan berasaskan pertanian. -- Lagi.

▼26/01/15-19MST

CNS1591

U GB 26-01 00186 BH021

AAB

Mahathir - Kenderaan 4 Shah Alam

Berbanding dengan United Kingdom hanya 10 peratus daripada perbelanjaan sektor R&D di negara ini dibiayai sektor awam dan 96 peratus daripada usaha itu dikendalikan sektor pengilangan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar adanya beberapa halangan dalam usaha R&D di negara ini tetapi ia hendaklah dijadikan cabaran bukannya alasan.

"Saya berharap rakan-rakan usahasama dalam projek-projek kita akan terus memberikan sokongan dan kerjasama ke arah usaha ini dan rakyat Malaysia sendiri pada masa yang sama mesti menyiapkan diri menyahut cabaran ini dan kita yakin rakyat negara ini mempunyai kemampuan," katanya.

Rakyat negara ini perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan amalan-amalan di kalangan para pengusaha industri, umpamanya keperluan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran dan sehubungan itu harus mewujudkan golongan tenaga kerja yang berkualiti untuk menjadi daya penarik pelabur, bukannya tenaga kerja yang murah.

Dr Mahathir berkata, pemindahan teknologi ke negara ini sedang berlaku secara perlahan-lahan melalui projek-projek usahasama dengan negara-negara maju dan kejayaan proses itu banyak bergantung kepada kesungguhan, kemampuan dan komitmen individu yang terlibat secara langsung dengan teknologi berkenaan. -- Lagi.

▼26/01/15-42MST

CNS1593

U GB 26-01 00178 BH022

BAH

Mahathir - Kenderaan 5 (Akhir) Shah Alam

Setelah menguasai sesuatu teknologi, penerima harus berani meningkat dan membuat inovasi sendiri kerana mereka yang terkongkong dengan hanya cara yang biasa tidak akan maju dan akan selalu bergantung kepada pihak lain untuk teknologi.

"Masa depan sektor pengilangan negara kita sememangnya cerah tetapi yang menjadi isu penting ialah pemindahan teknologi yang mempunyai nilai-tokok yang lebih tinggi supaya kita boleh memberi tumpuan kepada operasi pengilangan produk yang menyeluruh," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri menyambut baik penubuhan usahamasa PHN Industry, yang bergiat dalam bidang pengeluaran pengecapan komponen automotif. Pemegang ekuiti PHN ialah Proton Bhd (35 peratus), Hicom Bhd (42.5 peratus), Nagoya Oak Industries (20 peratus) dan Mitsubishi Corporation Ltd of Japan (2.5 peratus).

Beliau berharap PHN tidak hanya membabitkan diri sebagai pembekal peralatan asal untuk proton sahaja malah akan turut mengkaji untuk membekalkan pasaran alat ganti, terutamanya bagi komponen-komponen kenderaan.

PHN juga diharap akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan industri acuan dan perkakas tempatan dengan mengeluarkan baraiangan tersebut di negara ini. -- Bernama.

▼26/01/15-46MST